

## Latihan 5

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pintu rumah diketuk. Sim Pau berada di dapur yang ketika itu sedang menyiapkan sup untuk Lim Pooi. Sim Pau lekas-lekas ke hadapan untuk melihat siapa yang datang. Dia membuka pintu.

“Lim Meng.”

“Mama.”

Mereka berpelukan. Rindu yang sangat mendalam terubat. Semasa berpelukan, Lim Meng dapat merasakan ada sebatang tubuh yang lemah berdiri di belakang mereka.

“Lim Meng.” Sayu Lim Pooi memanggil nama anaknya. Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar. Dia tahu bahawa papanya tidak suka akannya. Papanya boleh berbuat apa-apa sahaja. Kali ini tentu diparang kepalanya jika dia menjejakkan kakinya di rumah itu.

“Tunggu, Lim Meng.” Lim Meng berhenti melangkah. Dia memalingkan mukanya ke belakang.

“Maafkan papa.”

Lim Meng tidak tega lagi menyimpan dendam. Dendam itu suatu penyeksaan. Namun, apabila memikirkan tindakan yang pernah dibuat oleh papanya dia merasakan bahawa papanya ialah orang yang paling kejam di dunia ini.

“Betul, Lim Meng. Maafkan papa kamu.” Sim Pau cuba masuk campur.

Lim Meng menahan sebak di dadanya. Air matanya mula membanjiri pipinya. Lim Meng berlari-lari anak dan merangkul tubuh Lim Pooi. Mereka berdakapan. Setelah sekian lama, itulah kali pertama Sim Pau melihat air mata Lim Pooi jatuh kerana Lim Meng.

(Dipetik daripada cerpen *Kuih Bakul Limau Mandarin*, antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, mengapakah Lim Meng ingin beredar apabila melihat Lim Pooi? [3 markah]

---

---

- (ii) Nyatakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [3 markah]

---

---

- (iii) Pada pendapat anda, apakah aktiviti yang dapat dilakukan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan? **KBAT Menilai** [4 markah]

---

---

Latihan **6**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Lim Foong meninggal dunia juga bukan sebab Lim Meng. Lim Foong meninggal dunia kerana dia lemas. Dia lemas bukan kerana nak menyelamatkan Lim Meng tapi cuba nak bersembunyi daripada orang yang mengejarnya, yang memintanya membayar hutang kalah judi.” Lim Pooi tersentak, seakan-akan tidak percaya dengan omongan Sim Pau. Tak mungkin Lim Foong berjudi. Tak mungkin. Batinnya menjerit.

“Kebetulan pada hari itu, Lim Meng yang baru balik dari sekolah nampak Lim Foong terkapai-kapai kerana lemas. Lim Meng cuba turun untuk menolong menyelamatkan Lim Foong tapi dia pula yang lemas. Dia dah tak menghiraukan keselamatannya lagi asalkan abangnya selamat. Mujur Sudin ada di situ. Dialah yang menyelamatkan Lim Meng. Sudin tak mengira Lim Foong itu bangsa apa, agama apa untuk ditolongnya. Dia ikhlas menolong Lim Meng tapi sayangnya, dia tidak sempat menyelamatkan Lim Foong.” Sim Pau menangis lagi mengingatkan peristiwa lama itu.

(Dipetik daripada cerpen *Kuih Bakul Limau Mandarin*, antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, apakah punca yang menyebabkan Lim Foong meninggal dunia? [3 markah]

---

---

- (ii) Nyatakan **dua** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [3 markah]

---

---

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan keluarga bahagia? **KBAT Mentai** [4 markah]

---

---

---

---